

# PM dijadual tiba di Vladivostok hari ini

**Vladivostok:** Lawatan rasmi tiga hari Tun Dr Mahathir Mohamad ke sini atas jemputan Presiden Russia, Vladimir Putin, akan meningkatkan hubungan serta merangsang perdagangan dua hala.

Perdana Menteri yang dijangka tiba hari ini diiringi Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darrell Leiking.

Duta Besar Malaysia ke Russia, Datuk Mat Dris Yaacob, berkata

Dr Mahathir dan anggota delegasinya buat kali pertama akan menyertai Forum Ekonomi Timur (EEF).

Perdana Menteri akan menyertai pemimpin dunia pada forum itu yang juga platform bagi membincangkan isu yang bermatlamat meluaskan kerjasama antarabangsa di Asia Pasifik.

Pada Khamis, beliau dijadual berucap pada sesi pleno forum berkenaan, acara utama EEF kelima yang berlangsung di kampus Far Eastern Federal University, di sini.

“Dr Mahathir akan membincang-

kan hubungan dua hala serta mempromosi kerjasama baharu dalam pelbagai sektor termasuk perdagangan dan pelaburan,” katanya.

Beliau berkata, pembinaan kapal, pelancongan, pendidikan, pembinaan, penerbangan dan aeroangkasa, adalah antara bidang ekonomi utama di Vladivostok yang boleh diteroka selanjutnya oleh syarikat Malaysia.

Sementara itu, penganjur forum, Roscongress Foundation, memetik penasihat kepada Presiden Russia, Anton Kobyakov, sebagai berkata bahawa negara itu berminat untuk membangunkan ker-

jasama dengan Malaysia dalam perdagangan, teknikal-ketenteraan serta bidang kemanusiaan.

Beliau mencadangkan Malaysia bekerjasama dengan Komuniti Ekonomi Eropah (EEC) untuk membangunkan hubungan dagangan yang lebih intensif antara kedua-dua negara.

“EEC adalah platform yang baik untuk pembentukan pasaran antarabangsa sejagat,” kata Kobyakov.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai beberapa projek pelaburan utama di Russia.

BERNAMA